

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]

TARIKH : 19 JUN 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada '*pump boat*' yang seringkali digunakan oleh '*pirates*' di perairan Sabah bila menyerang atau menceroboh penduduk tempatan masih lagi di 'haram'kan penggunaannya dan dalam senarai '*banned items*' atau bagaimana.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, *pump-boat* telah diharamkan sejak tahun 1985. Namun demikian, mengambil kira permintaan Ketua Masyarakat, usaha sedang diambil untuk membuat bancian jumlah sebenar *pump-boat* di ESSZONE. Satu cadangan akan dimajukan oleh ESSCOM kepada kerajaan Negeri Sabah samada *pump-boat* akan terus diharamkan atau penggunaannya dikawal selia secara ketat.

Sekian. Terima kasih.